

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembaikan jalan persekutuan ke Puncak Gunung Jerai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian tanah runtuh di jalan persekutuan FT252 iaitu laluan Gunung Jerai yang berlaku pada 18 Ogos 2021 lalu melibatkan kerja-kerja seperti berikut:

1. Kerja-kerja pembersihan sisa runtuhan cerun; dan
2. Kerja-kerja pembaikan cerun yang melibatkan 7 lokasi runtuhan.

Kerja-kerja pembersihan sisa runtuhan tanah runtuh telah siap dilaksanakan sepenuhnya pada 18 September 2021 oleh Konsesi THB Maintenance Sdn Bhd termasuk meletakkan *plastic sheet* di kawasan runtuhan tersebut.

Kerja-kerja pembangunan cerun pula, Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), JKR telah melantik Pintas Utama Sdn Bhd (PUSB) untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan cerun sebanyak tujuh (7) lokasi runtuhan. Lokasi pembangunan cerun adalah di seksyen 7.3 (*upslope*), seksyen 7.9 (*upslope dan downslope*), seksyen 8.2 (*upslope dan downslope*), seksyen 8.3 (*downslope*), seksyen 8.5 (*upslope dan downslope*), seksyen 8.6 (*downslope*) dan seksyen 10.95 (*downslope*). Arahan Kerja untuk pembangunan cerun telah dikeluarkan oleh CKC, JKR pada 22 September 2021. Tempoh kerja pembangunan cerun keseluruhan adalah selama 7 bulan sehingga 24 April 2022. Kos anggaran kerja-kerja pembangunan cerun bagi tujuh (7) lokasi tersebut adalah sebanyak RM9,540,000.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Juta Lima Ratus Empat Puluh Ribu) .

Kontraktor Pintas Utama Sdn Bhd (PUSB) telah mula memasuki tapak pada 22 September 2021. Status terkini kerja pembangunan cerun di tapak adalah seperti berikut:

1. Kerja pembersihan tapak sedang dilaksanakan di seksyen 8.2, seksyen 8.3, seksyen 8.5, seksyen 8.6;
2. Kerja-kerja pemasangan *soil nailing* sedang dilaksanakan di seksyen 7.3, seksyen 7.9 dan seksyen 10.95; dan
3. Kerja- kerja *micro pile* sedang dilaksanakan di seksyen 7.9 dan seksyen 10.95.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menjelaskan status terkini pembinaan Pusat Jantung di Sungai Petani.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Buat masa sekarang, perkhidmatan rawatan jantung bagi negeri Kedah disediakan di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani dan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Manakala pesakit yang memerlukan rawatan jantung yang lebih lanjut, akan dirujuk ke Hospital Pulau Pinang yang merupakan Pusat Rujukan Perkhidmatan Kardiovaskular Wilayah Utara.
2. Pembinaan sebuah Pusat Jantung baharu di Sungai Petani atau di mana-mana lokasi lain di seluruh negara memerlukan penilitian lanjut oleh pihak Kerajaan dengan mengambil kira faktor kos, ketersediaan tapak, keperluan sumber manusia serta keperluan mendesak di sesuatu kawasan, negeri atau wilayah.

Sekian, terima kasih.